

## **Dilema Anak Guru**

Mohammad Firdaus bin Zainal

Fajar menyinsing sang suria memancarkan cahayanya tepat ke arah bilikku. Suasana pagi begitu hening dan tenang. Kabus tebal masih meliputi kawasan ibu kota. Brung-burung mula mencari habuan masing-masing. Warga kota mula memulakan tugas mereka.

Aku bangkit daripada lenaku. Aku mengemaskan katil dan membersihkan diri untuk bersiap ke sekolah. Bapaku adalah guru cemerlang yang menerima anugerah perkhidmatan cemerlang saban tahun sudah lama menanti aku untuk sama-sama ke sekolah.

“Abang, cepat sikit. Ayah nak pergi kerja ni!” Kata ayah sambil marah-marah.

Aku segera turun ke bawah dan mengambil beberapa keping roti lalu menghirup kopi pekat lantas menaiki kereta. Ayah meluncur laju ke sekolahku.

“Ayah marah padaku agaknya.” Ujarku dalam hati.

Aku bersalaman dengan ayah lantas menuju ke kelas. Aku berada di kelas yang sederhana. Aku selesa bergaul dengan rakan sekelas walaupun berlainan kaum. Aku sedang menyiapkan diri untuk menghadapi peperiksaan percubaan. Aku perlu belajar dengan tekun untuk berjaya bak kata pepatah yang bulat tidak akan datang bergolek, yang pipih tidak akan datang melayang.

“Aku risau akan keputusan yang bakal aku terima. Aku perlu berusaha untuk berjaya bagi membuktikan kemampuanku sebagai anak kepada seorang guru” Kataku di dalam hati.

Dua minggu kemudian, peperiksaan tiba. Aku begitu gementar semasa memasuki dewan peperiksaan. Jantungku berdegup seperti dipalu. Suasana dewan yang tersusun dan pegawai pengawas peperiksaan berlegar-legar di sekitar dewan telah menggamit perasaanku. Raut wajah pengawas yang tinggi lampai itu seolah-olah menduga persediaanku untuk menghadapi peperiksaan. Aku berpeluk sejuk. Peperiksaan dimulakan.

Hatiku lega setelah ketua pengawas mengumumkan masa menjawab telah tamat. Segala kerisauan telah lenyap. Seminggu kemudian, keputusan peperiksaan ditampal pada papan kenyataan. Jantungku berdegup kencang.

“Aku berharap markah yang bakal aku terima lebih baik daripada ujian yang lepas.” Tergiang-ngiang di benak fikiranku.

Hatiku berbaur kecewa. Aku mendapat markah yang begitu teruk.

“Apa yang dapat aku lakukan untuk membaiki prestasi aku yang semakin merudum.” Berlegar-legar di fikiranku.

“Anak guru cemerlang mendapat markah yang lebih rendah daripada anak penoreh getah.” Sindir rakan sekelasku, Amir.

Aku berdukacita. Tatkala aku memerlukan sokongan daripada mereka, mereka menghina, mengejek

dan mencaci diriku. Aku sering sahaja dicaci sebegini rupa sejak beberapa tahun yang lalu.

“Anak orang buta huruf lebih cemerlang daripada anak guru.” Sindir Azim kepadaku.

“Fakhrul tu anak manja. Duit dah banyak dalam rumah jadi belajar ala kadar sudahlah.” Kata Amira kepada Nani.

“Dia ingat anak guru mesti jadi pandai ke?” Kata Victor kepada Halim.

Aku sedih. Beginilah keadaanku setiap kali peperiksaan tamat. Peperiksaan seolah-olah mepi buruk buatku. Kesabaranku telah mencapai tahapnya.

“Aku mesti berhenti sekolah!” Kataku lantang di dalam hati.

“Aku mesti menamatkan segala cacian dan ejekan yang ditujukan kepadaku selama ini. Aku juga mempunyai maruah dan harga diri.” Tekad benakku.

Loceng tamat sesi persekolahan berbunyi. Aku berlari menuju ke kereta ayahku dan meluahkan perasaanku. Aku juga menyatakan hasratku.

“Abang ingat abang boleh lari daripada masalah?” Nasihat ayahku.

Aku berkeras. Aku tidak sanggup lagi dicaci setiap hari. Ayah meminta aku berfikiran dengan tenang dan fikir akan masa depan. Tetapi aku tetap dengan pendirianku. Ayah akan berjumpa dengan guruku keesokan harinya.

Keesokan harinya, seperti biasa aku dan ayah ke sekolah. Pagi yang mendung seolah-olah menduga perasaanku. Aku bimbang akan tindakan ayah nanti.

Sejurus kemudian, kami berada di hadapan bilik guru. Kami masuk dan berbincang. Cikgu Ali menasihati dan berbincang dengan ayah selama sejam.

“Saya fikir anak awak perlu merehatkan mindanya. Saya menyarankan agar encik membawanya bercuti di sekitar Malaysia.” Saran Cikgu Ali kepada ayahku.

“Saya fikir begitu juga.” Jawab ayahku bersetuju.

“Tapi saya tetap hendak berhenti sekolah tak kira apa akan terjadi.” Kataku lantang kepada mereka.

Ayah membawaku ke bilik kaunseling dalam keadaan marah-marah. Aku berbincang dengan Cikgu Hani berdua.

“Kamu perlu fikir akan masa depan kamu. Dunia semakin moden. Apa yang awak nak makan pada masa depan. Berapa besar gaji awak jika hanya berpendidikan hingga tingkatan 3 sahaja.” Kata Cikgu Hani penuh harapan agar aku mengubah pendirian.

“Awak perlu fikir akan impaknya pada masa depan. Bagaimana awak nak menyara keluarga awak dengan gaji yang kecil. Kamu tahu tidak ayah kamu boleh dipenjara kerana tidak menyekolahkan kamu. Walhal kamu yang berkeras untuk berhenti sekolah. Kasihan ayah aku.” Nasihat Cikgu Hani lagi kepadaku.

“Tapi...” Kataku.

Aku bangkit dari kerusi dan berlari keluar. Aku tidak mengendahkan Cikgu Hani di situ. Aku berada dalam keadaan dilema. Tiba-tiba datang sebuah motosikal menghampiri dan terus melanggarku. Aku terpelanting ke bahu jalan.

“Aduh... ayah tolong abang!” Kataku penuh simpati.

Ayah berlari dan membawaku ke hospital. Darah mengalir laju. Aku menerkup lukaku dengan sapu tangan.

Sejurus kemudian, aku dirawat dan diberi 3 jahitan di kepala dan betis. Aku juga disahkan mengalami keretakan tulang. Aku ditahan dalam wad perubatan selama seminggu.

“Apa yang akan jadi padaku. Aku akan menjadi cacat.” Kataku di dalam hati. Aku sangat berasa sedih dan menyesal.

Aku menyesal kerana mengambil tindakan sebegitu. Rakan-rakan sekelasku turut menyesal kerana mengejek aku dan menyebabkan aku mengambil tindakan sebegitu.

“Kamu perlu sedar semua manusia tidak sempurna. Ilmu daripada ibu bapa tidak akan diwarisi, tetapi kita perlu mencari dan meneroka ilmu-ilmu baru.” Kata pengetua kepadaku dan rakan sekelasku.

Mulai hari itu, kami saling berusaha meningkatkan prestasi akademik untuk membina masa depan yang cerah.